

## **Mesyuarat Kerjasama Strategik antara PKT dengan ABM Wilayah Timur bincang kebolehpasaran dan peluang latihan kepada pelajar dan graduan PKT**

Oleh : Nooraini Che Aziz (PRO)

9 Ogos 2016 - Bertempat di Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Timur, Kuala Berang telah diadakan mesyuarat kerjasama strategik antara Politeknik Kuala Terengganu (PKT) dengan ABM Wilayah Timur bagi membincangkan tentang peluang-peluang kolaborasi untuk meningkatkan kebolehpasaran dan peluang latihan kepada pelajar dan graduan PKT. Mesyuarat telah dihadiri oleh Pengarah PKT, Timbalan Pengarah (Akademik), Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), Ketua Unit Latihan, Ketua Jabatan Elektrik, Pegawai Perhubungan Awam dan 4 orang pensyarah. Manakala pihak ABM Wilayah Timur diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi, En.Maliki Bin Endut bersama-sama dengan 4 orang pegawai yang lain.

Antara tujuan utama perbincangan ini diadakan adalah untuk mewujudkan jaringan (*network*) dan kolaborasi PKT dengan ABM Wilayah Timur dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Komputer, menyebarkan program dan aktiviti antara PKT dan ABM Wilayah Timur, meningkatkan program kecekapan kemahiran dan kebolehpasaran pelajar/lepasan PKT dengan pihak industri dan mempergiat khidmat kepakaran, nasihat dan rundingan antara PKT dan ABM Wilayah Timur.

Dengan adanya kerjasama ini, diharapkan PKT akan terus dapat melahirkan graduan yang berkualiti dan berkemahiran tinggi yang dapat memenuhi pasaran pekerjaan selaras dengan visi PKT iaitu "Menjadi institusi TVET yang berkualiti dalam melahirkan modal insan holistik dan menjadi pilihan utama industri menjelang 2020"



Mesyuarat diadakan di Bilik Perah, ABM Wilayah Timur.



Antara pegawai ABM Wilayah Timur yang hadir pada mesyuarat tersebut.



Pengarah PKT, Puan Hajjah Radiah Binti Che Su, A.M.T. bertukar cenderahati dengan Ketua Pegawai Operasi ABM Wilayah Timur, En.Maliki Bin Endut.



Pegawai PKT dan ABM Wilayah Timur bergambar kenangan sejeurus selepas mesyuarat ditangguhkan.